

# **12 orang beri jawapan bertulis**

**KUALA LUMPUR 11 Mac** — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Musa Hitam adalah antara 12 orang yang memberi jawapan bertulis kepada Jawatankuasa Penyiasat Skandal BMF kerana nama mereka dikaitkan dalam laporan tersebut.

Turut memberikan jawapan ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah. Jawapan Tengku Razaleigh merupakan yang terpanjang dan disertakan dengan keratan - keratan akhbar.

Turut memberi jawapan bertulis kepada Jawatankuasa Penyiasat BMF ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Thong Yaw Hong, Raja Gula Malaysia, Encik Robert Kuok, Pembantu Khas kepada Tengku Razaleigh Hamzah, Encik Alias Ahmad dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ajib Ahmad.

Mereka lain ialah, Pengerusi/Ketua Eksekutif Kumpulan Fleet Sendirian Berhad, Datuk Mohd. Desa Pachi, Peguambela dan Peguamcara Skrine & Company, Encik J.J. Puthucheary dan Encik K. Anantham, bekas Pengerusi Fleet Holdings, Datuk Junus Sudin dan Senator Tan Sri C.Selvarajah.